

→ PRIHATIN

FOOD BANK SISWA

1,000 pelajar UiTM, politeknik di Pulau Pinang jadi perintis

➔ Program diperluas seluruh negara berperingkat mulai minggu depan

Oleh Siti Sofia Md Nasir dan Siti Hajar Yusof
bhnews@bh.com.my

✦ Bukit Mertajam

Seramai 1,000 pelajar dua institusi pengajian tinggi dan universiti awam (UA), di sini menjadi kumpulan pertama penerima Food Bank Siswa yang dilancarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), semalam.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sebanyak 800 penerima di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang dan 200 penerima di Politeknik Seberang Perai, akan menjadi kelompok awal kepada projek perintis Food Bank Siswa.

"Kita mulakan program ini di Pulau Pinang kerana negeri ini sudah mempunyai sistem yang sangat kondusif, di mana ia turut digerakkan oleh Mutiara Food Bank dan ke-

rajaan negeri.

"Selepas ini, Food Bank Siswa akan digerakkan pula ke Universiti Putra Malaysia (UPM) pada minggu hadapan dan seterusnya diperluaskan ke semua universiti awam di negara ini," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Saifuddin melancarkan Food Bank Siswa di UiTM Pulau Pinang dengan Persatuan Pengusaha Restoran Islam Malaysia (PPRIM) menjadi penyumbang utama bagi bantuan makanan di Food Bank universiti itu.

Yang turut hadir, EXCO Kebajikan, Alam Sekitar dan Masyarakat Penyayang negeri, Phee Boon Poh serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Farizan Darus.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata kementerian tidak akan menghadkan jumlah penerima Food Bank Siswa, sebaliknya ia bergantung kepada senarai yang dibuat pihak universiti.

Katanya, hanya pihak IPTA saja



Saifuddin (kanan) bersama Pengerusi Persatuan Pengusaha Restoran Islam Malaysia, Datuk KK Sihabutheen Kirufu Mohamed (dua dari kiri) melihat makanan kering di Pusat Food Bank Siswa pada perasmian Food Bank Siswa di UiTM Pulau Pinang Kampus Permatang Pauh, semalam.

yang dapat mengenal pasti penerima yang benar-benar layak, iaitu pelajar yang berasal daripada keluarga B40.

"Kita tidak meletakkan jumlah penerima, sebaliknya ia bergantung kepada senarai pihak universiti keluaran dan serah kepada kita," katanya.

Minggu lalu, BH melaporkan sejumlah pelajar universiti awam daripada kumpulan B40 dan miskin tegar hanya makan sekali sehari kerana kesempitan wang.

Biskut kering menu utama

Sementara itu, penerima Food Bank Siswa, Nur Atiqah Nor Afendi, 19, mengakui biskut kering menjadi menu utamanya mengisi perut, selain minuman coklat kosong bagi menjimatkan belanja kerana kekangan kewangan.

"Saya dan kakak kini sedang melanjutkan pengajian di universiti, tiga orang lagi adik belajar di sekolah rendah.

"Saya tahu ibu bapa saya tidak ada wang yang mencukupi. Jadi, saya



saya memilih untuk berjimat dan mengikat perut dengan hanya menjadikan biskut kering sebagai menu utama harian"

Nur Atiqah Nor Afendi, Siswa

memilih untuk berjimat dan mengikat perut dengan hanya menjadikan biskut kering sebagai menu utama harian.

"Saya rasa bersyukur kerana tersenarai dalam penerima bantuan Food Bank kerana selama dua tahun belajar di sini, saya tidak pernah mendapat apa-apa bantuan sebelum ini," kata pelajar Fakulti Hotel dan Pelancongan (Kulinari) UiTM Pulau Pinang itu.

Bagi pelajar Fakulti Hotel dan Pelancongan (Pastri) UiTM Pulau Pinang, Aiman Nur Hazim Adnan, 19, dari Selangor, lega dan gembira diberi bantuan makanan Food Bank.

Anak kedua daripada adik beradik itu mengakui terpaksa berhutang dengan rakan untuk membeli nasi dan makanan harian kerana wang saku tidak mencukupi.

"Kadangkala saya terpaksa tebalakan muka meminjam wang kerana tiada wang. Alhamdulillah, ramai rakan yang membantu dan faham keadaan saya," katanya.

[FOTO DANIAL SAAD /BH]